



Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JLD.5(49)  
Tarikh : 22 Mei 2026  
Bersamaan : 5 Zulhijah 1447H

### Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **ARAHAN KERJA BIL.49/2026/O : PENYELARASAN SEMULA KAEDAH BAYARAN DAN AKAUN KOD BELANJA UNTUK PEMASANGAN METER ELEKTRIK DAN METER AIR KALI PERTAMA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Arahan Kerja Bil. 76/2025/O bertarikh 14 November 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Isu-Isu Operasi Bil.1 Tahun 2026 yang telah diadakan pada 12 Mac 2026, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) telah membuat penyelarasan semula kaedah pembayaran dan kod akaun bagi pemasangan meter elektrik dan air kali pertama bagi bangunan milik Kerajaan. Kos pemasangan meter elektrik/ air bagi bangunan milik Kerajaan adalah sebahagian daripada kos aset bangunan atau infrastruktur yang perlu dipermodalkan. Kod akaun yang boleh disandarkan adalah kod akaun yang merujuk kepada kod akaun bangunan atau infrastruktur tersebut.

3. Sehubungan itu, kos pemasangan meter air dan elektrik buat kali pertama bagi bangunan milik Kerajaan adalah **tidak boleh** dibayar melalui Kemudahan Bayaran Pukul kerana aset tidak dapat diperakaunkan melalui kaedah pembayaran pukul.

4. Penyelarasan ini tertakluk kepada sebarang perubahan sistem perakaunan. Arahan Kerja Bil.76/2025/O : Penyelarasan Bayaran dan Akaun Kod Belanja Untuk Pemasangan Meter Elektrik dan Meter Air Kali Pertama bertarikh 14 November 2025 adalah terbatal.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Dana seperti berikut:

- |                                |               |
|--------------------------------|---------------|
| i. En. Mohd Azlan bin Jaafar   | 06 - 289 5062 |
| ii. Pn. Suryana binti Zulkifli | 06 - 289 5064 |

Ruj. Kami :ANM(UKPP)MEL/12 JLD.5(49)

Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**

**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"***

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Melaka